



TAMADUN MELAYU

Jilid Lima

Penyelenggara

ISMAIL HUSSEIN
A. AZIZ DERAMAN
ABD. RAHMAN AL-AHMADI





TAMADUN MELAYU

Jilid Lima

Penyelenggara

TAN SRI ISMAIL HUSSEIN
A. AZIZ DERAMAN
ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

PUSTAKA PERDANA



1012362

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kuala Lumpur

1995



Penerbitan buku ini berdasarkan kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu yang Kedua di Kuala Lumpur pada 15-20 Ogos 1989, anjuran Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (kini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cetakan Pertama 1995.

© Karya Para Penulis; Penyelenggara Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abdul Rahman Al-Ahmadi 1995

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakanan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tamadun Melayu / penyelenggara Tan Sri Ismail Hussein,

A. Aziz Deraman, Abd. Rahman Al-Ahmadi.

ISBN 983-62-3769-0 (jil. 1)

ISBN 983-62-3770-4 (jil. 2)

ISBN 983-62-4844-7 (jil. 3)

ISBN 983-62-4873-0 (jil. 3 : kkt.)

ISBN 983-62-4874-9 (jil. 4)

ISBN 983-62-4117-5 (jil. 4 : kkt.)

ISBN 983-62-4875-7 (jil. 5)

ISBN 983-62-4474-3 (jil. 5 : kkt.)

1. Malays--Congresses. 2. Culture--Congresses.

3. Malay Archipelago--Civilization--Congresses.

I. Ismail Hussein, Tan Sri Datuk, 1932-. II. Aziz Deraman, 1948-.

III. Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1931-.

IV. Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu

(Pertama : 1986 : Kuala Lumpur). V. Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu (Kedua : 1989 : Kuala Lumpur).

909.049923

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks : Unvers

Saiz Taip Teks : 10/12 poin

Dicetak oleh

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Lot SK 53, Kaw. Perindustrian Gong Badak

21300 Kuala Terengganu

RM45.00

909.049923

TAM

Kandungan

Kata Alu-aluan	ix
Kata Pengantar	xiii
Pendahuluan	xv
Ucapan Perdana/Perasmian	xxi
Ucapan Penutup	xxvii
Kebudayaan dan Kesenian	
95. Pencak Silat: Seni Mempertahankan Diri Rumpun Melayu dan Perkembangannya <i>Oyong Karmayuda S.H.</i>	1975
96. Estetika Seni Rupa Melayu <i>Syed Ahmad Jamal</i>	2010
97. Seni Pakaian Melayu di Semenanjung Malaysia <i>Azah Aziz</i>	2022
98. Tekstil Melayu: Fungsi, Simbol, dan Keindahan <i>Siti Zainon Ismail</i>	2035
99. Tatarias Pengantin Melayu Sumatera Timur <i>Ng Chalida Fachruddin</i>	2056
100. Bentuk dan Struktur Teater Melayu Tradisi dan Kesenambungannya dengan Teater Sezaman <i>Mohamed Ghouse Nasuruddin</i>	2075

101. Wayang Kulit dan Cabarannya Masa Kini
Amin Sweeney 2090
102. Kegiatan Drama di Malaysia dan Masa
Hadapannya
Rahmah Bujang 2110
103. Drama Indonesia dan Malaysia:
Suatu Perbandingan
Eva Vanicek 2129
104. Galakan Mempelajari Budaya Melayu
Melalui Seni Tari Sejak Kanak-kanak
Adirukmi Noor Salleh 2153
105. Industri Filem Melayu di Malaysia
Jins Shamsuddin 2176
106. Antara Seni Bina Moden Barat dengan
Seni Bina Moden-Tradisional
Ezrin Arbi 2190
107. Sistem Gelaran Tradisi Melayu Brunei:
Satu Kajian Awal
Abdul Latif Haji Ibrahim 2214
108. Kebudayaan Melayu dan Kebudayaan
Thai di Selatan Thai: Asimilasi dan Integrasi
Rathiah Salleh 2244
109. Budaya Orang Asli Taiwan
Chen Chi-Lu 2253
110. Budaya Melayu dan Dunia Indocina:
Hubungan Seni
Michel Jacq-Hergoualc'h 2276
111. Warisan Kebudayaan Asia Tenggara:
Satu Kajian Perbandingan
Yasushi Kono 2317

112. Pengaruh Asia Tenggara terhadap Pantai Timur Afrika: Sintesis Kebudayaan pada Zaman Pra-Islam 2353
Mohamed Haji Mukhtar
113. Pola Penyakit di Kalangan Orang Melayu di Semenanjung Malaysia: Implikasi Sosioekonomi dan Budaya 2361
Khalid Hassan
114. Ubat-ubatan Melayu Tradisi Masa Kini dan Prospek pada Masa Hadapan 2394
Zhari Ismail dan Norhayati Ismail
- Teknologi Pertanian**
115. Dunia Percetakan Melayu Hingga Tahun 1900: Suatu Tinjauan Awal 2419
Annabel Teh Gallop
116. Hutan Tropika Malaysia dan Tamadun Melayu 2437
Salleh Mohd. Nor dan Lim Hin Fui
117. Hutan Tropika dalam Perkembangan Budaya Melayu 2455
Abdul Kadir H. Din dan Khamis Awang
118. Evolusi Teknologi Pertanian Melayu: Penanaman Padi Basah di Semenanjung Malaysia 2478
Ahmad Ezanee Mansor dan Abdul Malik Johan
119. Kawasan dan Strata Pemakanan di Asia Tenggara dan Pasifik Barat 2503
Chen Chi-Lu
120. Alor Setar, Ibu Negeri Kedah: Bandar Pertanian 2534
Rodolphe De Konick

Flora dan Fauna

121. Pemburuan "Hitam Manis" di Semenanjung

Malaysia: Tradisi dan Perubahan <i>Makhdzir Mardan, Zahid Emby, dan Abd. Halim Hamid</i>	2555
122. Tumbuh-tumbuhan dalam Budaya Melayu <i>Adirukmi Noor Salleh</i>	2582
Indeks	2621

Kata Alu-aluan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya memungkinkan kita semua hadir pada petang yang penuh bermakna ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan, para pembentang kertas kerja dan para peserta persidangan yang sudi hadir kerana komitmen dan minat terhadap bidang pengajian tamadun Melayu. Sebagai usaha lanjutan daripada Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Pertama yang diadakan pada tahun 1986, maka persidangan ini mempunyai tujuan ke arah meneruskan usaha pengkajian tamadun dan kebudayaan Melayu serta mengumpul maklumat dan perkembangan mutakhir tentangnya. Bagi pihak jawatankuasa penganjur persidangan dan kementerian,* saya ingin menyampaikan terima kasih dan penghargaan atas kesudian Y.A.B. Perdana Menteri hadir di majlis yang bermakna ini.

Kehadiran para pembentang dan para peserta persidangan dari benua Eropah, Afrika, Amerika, dan Asia-Oceania dalam persidangan ini sudah tentu merupakan suatu penghargaan kepada pihak penganjur, kerana ini menunjukkan bahawa pengkajian tamadun dan kebudayaan Melayu bukan hanya menarik minat masyarakat di rantau ini sahaja, tetapi menjadi

* Sekarang kementerian ini dinamakan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

minat masyarakat antarabangsa yang ingin mengetahui dan mendalami pengkajian mereka dalam bidang ini. Pada masa yang sama, persidangan ini memberi peluang kepada masyarakat antarabangsa untuk memahami aspirasi, harapan, dan masalah yang mungkin dihadapi oleh rumpun bangsa Melayu khasnya dan di rantau Asia Tenggara amnya.

Saya difahamkan bahawa pengkajian tamadun dan kebudayaan Melayu telah menjadi semakin pesat pada abad ini berbanding dengan abad yang lalu. Jika pada abad ke-19, pengkajian Melayu semata-mata dijalankan oleh orientalis Barat yang bertujuan memenuhi kepentingan perluasan kuasa dan ekonomi penjajahan, tetapi dewasa ini kita dapat melihat satu perubahan. Para sarjana dari Asia, Afrika, Amerika, dan Eropah telah memberi tumpuan pada pengkajian tamadun Melayu dalam arah baru yang mempunyai kaitan dengan keyakinan bahawa dunia sebelah sini merupakan satu kawasan di rantau Asia-Pasifik yang dipercayai mempunyai potensi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat pada abad ke-21 berbanding dengan kawasan-kawasan lain.

Kita dapat melihat bahawa dalam pengkajian Asia Tenggara yang merangkumi bidang politik, ekonomi, dan sosial, mereka tidak membelakangi pengkajian dalam aspek kebudayaan terutama persoalan pemikiran tamadun Melayu. Sebagai contoh, maklumat terakhir menunjukkan sejumlah lebih kurang 760 orang sarjana dari Eropah Barat melibatkan diri dalam pengkajian tamadun Melayu ini. Ini tidak termasuk para sarjana dari Jepun, China, Korea, Australia, Amerika, dan Eropah Timur yang juga turut mengkaji perkembangan tamadun dan kebudayaan Melayu. Kehadiran saudara-saudara dalam persidangan ini membuktikan bahawa kepentingan alam Melayu dari segi sejarah, tamadun masa lampau, dan kaitannya dengan perkembangan politik dan ekonomi rantau ini dalam konteks perkembangan ekonomi dunia khasnya pada abad yang akan datang amatlah besar. Kebanyakan orang bersetuju bahawa rantau ini merupakan kawasan yang strategik pada masa depan bagi kepentingan ekonomi dan politik dunia.

Sejak akhir-akhir ini, kerjasama di peringkat antarabangsa hanya ditumpukan pada bidang ekonomi, saintifik, dan teknikal yang bertujuan mengimbangi perbezaan tahap kemajuan antara kawasan-kawasan di dunia terutama antara kawasan

utara dengan selatan. Dalam hal ini, kita perlu menginsafi bahawa aspek budaya dalam erti kata yang luas memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan kerjasama yang lebih bermakna antara negara-negara dunia. Keadaan saling bergantung yang tidak berat kepada satu pihak sahaja mesti diusahakan. Dari sudut kebudayaan, kemungkinan yang ada untuk mencapai tujuan ini harus disertai dengan usaha:

1. Menggalakkan pertukaran kebudayaan berasaskan perkongsian pengetahuan dan menerima kewujudan kepelbagaian budaya di kalangan bangsa-bangsa dunia.
2. Mengkaji semula penulisan sejarah dan kebudayaan yang ada untuk memastikan penyebaran dan penerimaan maklumat dapat dilakukan dengan lebih berkesan terutama di kalangan masyarakat dunia yang kurang mengenali antara satu sama lain.
3. Mengadakan garis panduan dalam pendidikan dan kaedah pengajaran ke arah membantu generasi muda menghargai perbezaan budaya antara pelbagai bangsa dunia.

Usaha ini boleh dilaksanakan bersama, sama ada antara satu negara dengan negara yang lain atau antara beberapa kumpulan negara atau antara satu daerah dengan daerah yang berlainan budaya, ideologi politik, dan sistem ekonomi. Program itu mampu mewujudkan suasana yang lebih utuh dalam perhubungan antara negara-negara di dunia.

Kita perlu sedar bahawa tidak ada negara di dunia pada masa ini dan akan datang yang boleh wujud dalam keadaan yang sempurna tanpa bergantung pada negara lain. Ini tidak kira sama ada negara itu negara maju, membangun, ataupun negara mundur. Usaha ke arah mewujudkan suasana yang harmoni bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan politik yang lebih luas dan bermakna di peringkat antarabangsa perlu mengambil kira kerjasama dalam bidang budaya. Dengan memahami sesuatu masyarakat itu dari sudut budayanya, memberi kesempatan kepada kita untuk mendalami hasrat dan aspirasi masyarakat tersebut apabila masyarakat itu mengadakan hubungan dengan kita. Maka itu, diharapkan Persidangan

Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua ini dapat menjadi landasan untuk mencapai cita-cita ini. Insya-Allah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, yang telah sudi merasmikan Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua ini. Saranan dan pendapat beliau yang akan disampaikan melalui ucapan perdana sudah pasti akan dapat kita manfaatkan.

Di sini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Penerbangan Malaysia (MAS), Dewan Bahasa dan Pustaka, Berita Harian, syarikat-syarikat swasta, agensi-agensi kerajaan, para sarjana, tokoh-tokoh budaya, para peserta, dan individu-individu yang telah berusaha menjayakan persidangan buat kali kedua ini. Kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa persidangan yang telah bertugas dengan tekun dan gigih, saya juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Diharapkan persidangan ini akan mencapai matlamat yang kita sama-sama cita-citakan. Insya-Allah.

Terima kasih.

Y.B. Dato' Sabbaruddin Chik
Menteri Kebudayaan dan Pelancongan
Malaysia
15 Ogos 1989

Kata Pengantar

Dewan Bahasa dan Pustaka berasa bangga kerana dapat memberi sumbangan dalam mempergiatkan pengkajian, penyebaran maklumat dan pengetahuan tentang perkembangan tamadun Melayu. Buku *Tamadun Melayu Jilid Tiga, Jilid Empat, dan Jilid Lima* ini memperlengkap penerbitan siri buku Tamadun Melayu (*Tamadun Melayu Jilid Satu* dan *Jilid Dua* yang terbit pada tahun 1989), anjuran Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.*

Tiga jilid buku *Tamadun Melayu* ini mengemukakan perbincangan dan pengkajian yang lebih luas dan mendalam tentang alam Melayu dan tamadun umatnya. Ruang lingkup pengkajiannya mencakupi bidang arkeologi, antropologi dan sosiologi, falsafah dan pemikiran, kerajaan dan politik, undang-undang, bahasa dan sastera, kebudayaan dan kesenian, teknologi pertanian, flora dan fauna. Kali ini pengkajian ini telah dapat menarik minat lebih banyak sarjana baik dari dalam negeri, mahupun dari luar negeri.

Peningkatan bilangan sarjana daripada pelbagai bangsa dan negara telah memperlihatkan kesungguhan dan minat mereka menyelidiki khazanah bangsa Melayu yang sungguh membanggakan. Hal ini tentulah disebabkan tamadun Melayu itu merupakan salah satu tamadun dunia yang besar sejak dahulu hingga sarjana dari luar negara terpanggil untuk mengkajinya dengan lebih mendalam lagi.

* Kementerian ini sekarang dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Sesungguhnya warisan dan kegemilangan tamadun Melayu perlu terus diteliti dan dikaji. Pengkajian dalam ruang lingkup yang luas, meliputi sejarah, kebudayaan dan tamadun besar Melayu dapat diperhalusi bukan sahaja sebagai suatu ensiklopedia sejarah umat Melayu, tetapi juga sebagai daya penggerak dan perangsang untuk memperteguhkan dan mempertingkatkan pencapaian dan kemajuan rantau Melayu khususnya, dan rakyat Malaysia amnya, pada abad ke-21.

Penerbitan siri buku Tamadun Melayu ini diharapkan dapat memberi segala maklumat dan pengetahuan yang tersirat dalam pencapaian dan kegemilangan tamadun Melayu kepada golongan ilmuwan, aktivis ekonomi dan perindustrian, serta masyarakat seluruhnya bagi membantu melaksanakan strategi pembangunan dengan lebih berkesan. Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pengkajian tentang tamadun dan umat serumpun Melayu. Segala usaha penerbitan, kajian dan penulisan haruslah terus digerakkan bagi mengisi keperluan tuntutan ilmu dan pemikiran bangsa.

A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Pendahuluan

Alam Melayu atau Dunia Melayu yang sering kali ditafsirkan sebagai satu kawasan budaya tamadun Melayu yang kaya dan luas melingkungi rantau geografi yang meliputi Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Filipina, Singapura, selatan Thai, Myanmar (Burma), Indocina, dan berkembang ke Kepulauan Pasifik di bahagian timur mencecah Melanesia dan Ocenia serta Sri Lanka, Malagasi di barat sehingga ke Taiwan (Farmosa) di bahagian utara yang dikenali sebagai Rumpun Melayu Polinesia atau Tagaroa.

Dengan menyebut bukti kronologi sejarah peradaban sejak prasejarah Campa, melewati zaman Seriwijaya, Majapahit, Melaka, dan kesatuan negara-negara serumpun masa kini, akan mengarah kepada suatu kekuatan dan daya tahan dalam. Kerajaan Melayu Melaka sebagai sebuah empayar pada abad ke-15, merupakan pusat perdagangan antarabangsa, pusat pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Bahasa Melayu pada ketika itu menjadi bahasa perhubungan antarabangsa (*lingua franca*) bagi tujuan perdagangan, ilmu pengetahuan, pemerintahan, diplomatik, undang-undang laut yang terkenal sebagai Hukum Kanun Melaka yang di Sulawesi terkenal dengan Hukum Amanna Gappa. Ada lebih 200 juta bangsa serumpun Melayu kini yang berbicara dalam bahasa asas yang sama, dan bahasa Melayu itu sudah mampu menjadi salah satu bahasa baru antarabangsa, terutama dalam menghadapi era perubahan kebudayaan di Asia Pasifik abad ke-21. Kekayaan hasil bumi, fauna dan flora serta pelbagai bidang tamadun itu telah dapat membentuk dan akan terus



memberi sumbangan kepada kemajuan dan kedamaian dunia. Untuk kecemerlangan kini, apalagi masa akan datang, yang lebih berpanjangan, hasil penelitian masa lalu dan semasa menjadi panduan dan iktibar.

Di alam Melayu yang luas ini, hidup subur beraneka jenis flora dan fauna dan tersimpan kekayaan pelbagai jenis logam. Di atas persadanya pula bertempat tinggal aneka ragam kelompok etnik manusia yang menjadi alam Melayu bagai Taman Kusuma Wicitra, taman aneka bunga yang berkembang indah, berseri dan berwarna-warni yang melahirkan falsafah kepelbagaian budaya dalam kesatuan rumpun Melayu yang besar.

Sejak zaman dahulu, Alam Melayu telah membina kebudayaan yang tersendiri hingga mencapai tahap tamadun yang tinggi yang memberi sumbangan kepada budaya dan tamadun dunia. Hasil-hasil ciptaan alam Melayu ini memperlihatkan corak yang cukup halus sifatnya, cukup matang pengolahannya dan cukup tinggi daya fikirannya. Hasil seni bina yang ditinggalkan oleh orang Melayu Campa dari abad keempat hingga abad ke-15 tidak kalah hebatnya dengan hasil-hasil ciptaan yang ada di India, di Yunani mahupun di negeri China.

Hasil ciptaan Seriwijaya dan Majapahit memperlihatkan pula satu daya cipta yang amat unik pengolahannya dan pelaksanaannya. Di Semenanjung Melayu, di daerah Lembah Bujang, yang belum banyak diteliti sepenuhnya, terdapat peninggalan ciptaan budaya yang memperlihatkan sifat-sifat pencapaian tamadun yang mempunyai satu rangkaian daya cipta antara Semenanjung Indocina dengan Indonesia.

Rentetan daya cipta di Semenanjung Asia Tenggara, Semenanjung Melayu dan Kepulauan Indonesia sampai ke pulau-pulau Filipina memperlihatkan kesinambungan daya cipta pemikiran rumpun bangsa Melayu yang tidak terhad kepada hasil-hasil kebendaan yang bersifat monumen dan keagamaan semata-mata tetapi juga yang bersifat seni halus seperti seni hias dan seni ukir, seni suara dan bunyian, seni tari dan drama, seni silat dan mempertahankan diri, dan yang sebagainya.

Dari segi penulisan, rumpun Melayu telah banyak melahirkan karya-karya besar baik di Campa, di Semenanjung Sumatera, Jawa, Sulawesi, dan yang sebagainya. Di Campa misalnya, sebanyak 1350 buah buku tentang pemikiran dan falsafah agama telah dilahirkan sejak abad kelima. Salah seorang ahli

falsafahnya, juga seorang raja yang terkenal, ialah Jaya Inderawarman VI. Di Seriwijaya ada tokoh pemikir dan guru Dharmapala dan Syakyakirti. Di Jawa ada penulis terkenal seperti Empu Kanwa, Empu Dharmaja, Empu Tantalur dan Empu Parpanca yang telah menghasilkan buku Nagarakartagama. Di Sunda ada *Hikayat Perahyangan* dan di Sulawesi ada buku *La Galigo* yang merupakan karya besar rumpun Melayu yang tidak kalah hebatnya dengan cerita *Ramayana* dan *Mahabharata* di India. Di Malaysia ada tokoh Tun Sri Lanang yang telah menghasilkan buku *Sejarah Melayu*, di samping itu telah lahir pula *Hikayat Hang Tuah*.

Tentulah kita tidak boleh melupakan kitab-kitab agama yang dihasilkan dan ulama-ulama yang telah memberi sumbangan besar kepada pemikiran penduduk di alam Melayu ini. Pada zaman Islam, kita dapat menyaksikan pula kelahiran tokoh-tokoh seperti Syed Hussain Jamaluddin al-Qubra, Hamzah Fansuri, Samsudin al-Sumatrani, Nuruddin al-Makasari, Syeikh Daud al-Patani, Haji Wan Ahmad bin Mohamad Zain bin Mustafa al-Patani, Abdul Samad al-Palembawani, Syeikh Nawawi al-Bantani, Syeikh Muhamad Khatib al-Sambawi al-Jawi, Syeikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjari, Syed Abdul Kadir Kedah dan Syeikh Abdul Malik Tok Pulau Manis Terengganu dan Haji Abdul Samad bin Muhamad Salleh al-Kelantani, (Tuan Tabal Kelantan) Mohamad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. Kemudian lahir pula banyak tokoh agama, sastera dan budaya.

Terkumpulnya kertas-kertas kerja dalam siri Tamadun Melayu ini, dalam berbagai-bagai bidang, falsafah dan pemikiran, Islam dan kebudayaan, kesenian, bahasa dan persuratan, pendidikan, antropologi, sosiologi dan arkeologi, sejarah, kerajaan dan politik, sains dan teknologi, pertanian, perubatan, pelayaran, ekonomi, perdagangan, perundangan, flora dan fauna, menjadi bukti yang nyata bahawa rumpun Melayu tidak pernah lelap daripada menghasilkan karya-karya besar dan meneruskan kesinambungan sejarah bangsa dalam melahirkan daya cipta mereka.

Kertas kerja yang terkumpul dalam buku ini adalah hasil daripada Persidangan Tamadun Melayu Kedua yang diadakan pada 15–20 Ogos 1989 di Kuala Lumpur yang bertema, "Kege-

milangan Tamadun Melayu, Warisan dan Cabaran Abad Ke-21”.

Objektifnya :

- (i) Untuk mempertemukan para sarjana dan pengkaji dari Timur dan Barat, membincangkan isu-isu dan usaha-usaha pengkaji yang telah dan sedang dilakukan tentang tamadun dan kebudayaan Melayu.
- (ii) Untuk meneruskan dan mempertingkatkan usaha penyelarasan dan pertukaran maklumat tentang pengajian tamadun dan kebudayaan Melayu.
- (iii) Untuk menggalakkan lagi kerjasama dan persefahaman kesarjanaan di kalangan para sarjana tempatan dan antarabangsa dalam bidang penelitian, dokumentasi, dan penerbitan.
- (iv) Untuk memperkaya pengumpulan bahan penyelidikan dan penerbitan ilmiah tentang tamadun dan kebudayaan Melayu.
- (v) Untuk meninjau dan mengkaji perkembangan mutakhir dalam pengkajian dan pengajian tamadun dan kebudayaan Melayu.
- (vi) Mencari arah dan strategi baru kerjasama antarabangsa dalam menggerakkan perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan tamadun manusia.

Sebanyak 500 orang peserta mewakili 26 negara yang terdiri daripada sarjana, penyelidik dan pengkaji dari dalam dan luar negeri, wakil-wakil dari institusi pengajian tinggi, badan-badan, pertubuhan-pertubuhan, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta tokoh-tokoh budaya telah mengambil bahagian dalam Persidangan yang berlangsung selama enam hari, yang kali kedua diadakan yang seumpamanya di dunia. Penyertaan ini merupakan pertambahan tiga kali ganda dan dianggap satu kejayaan kerana Jawatankuasa Penganjur berjaya mempertemukan sebilangan besar tokoh, pengkaji, sarjana, dan penyelidik tamadun Melayu dalam satu forum antarabangsa untuk bertukar-tukar pendapat dan maklumat. Negara-negara yang turut mengambil bahagian dalam Persidangan kali ini terdiri daripada:

Amerika Syarikat	Malagasi/Madagascar
Australia	Malaysia
Belanda	Negara Brunei Darussalam
China	New Zealand
Denmark	Perancis
Filipina	Portugal
Great Britain	Singapura
I. R. Iran	Somalia
Indonesia	Sri Lanka
Jepun	Surinam
Jerman Barat	Taiwan
Kanada	Thailand
Korea Selatan	USSR

Tentu sahaja warisan budaya dan tamadun Melayu yang begitu luas tidak dapat diungkap dengan persidangan yang kedua ini. Berbagai-bagai aspek patut digali lagi untuk melengkapkan maklumat tamadun Melayu, dan oleh sebab tamadun itu merupakan tahap pencapaian yang tertinggi daripada satu kebudayaan rumpun Melayu maka sudah sewajarnya kupasan dan analisis tentang kebudayaan rumpun Melayu diketengahkan dengan lebih menyeluruh dan terperinci. Yang dipaparkan di sini hanya merupakan cebisan kecil daripada seluruh warisan tamadun rumpun Melayu. Begitu halus cita rasa tamadun Melayu melahirkan karya-karya sehingga mempesonakan peneliti-peneliti dan pengkaji-pengkaji sejarah budaya rantau ini. Ini membuat para sarjana memilih bidang kajian mereka mengikut pelbagai disiplin ilmu dan keperluan terhadap *interdisciplinary*. Dalam mengkaji kebudayaan dan tamadun Melayu, amat penting pengetahuan berbagai-bagai bahasa bagi membantu memahami penelitian kebudayaan dan tamadun Melayu itu.

Tamadun Melayu sekarang bukan sahaja dikaji oleh orientalis Barat (Eropah, Amerika, Kanada, Australia, dan New Zealand), tetapi juga dikaji oleh para sarjana dari alam Melayu sendiri dan dari negara TImur seperti Jepun, Korea, China, dan dari negara Asia Tenggara seperti Thailand dan Vietnam, yang menjadikan bidangnya dan ruang lingkupnya bertambah luas dan lebih terperinci.

Kami berharap buku ini akan dapat menarik minat para

pembaca untuk memahami tamadun Melayu yang menjadi latar belakang perkembangan budaya Malaysia sekarang dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 seperti yang diseru oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Prof. Tan Sri Ismail Hussein
A. Aziz Deraman
Abdul Rahman Al-Ahmadi

Ucapan Perdana/ Perasmian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berjumpa di Persidangan Antara-bangsa Tamadun Melayu Kedua ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan* kerana menjemput saya merasmikan Persidangan ini. Saya juga mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan dan puan-puan terutama sarjana-sarjana dari luar negara.

Saya diminta berucap dalam Persidangan Tamadun Melayu Kedua ini dengan tajuk "Kegemilangan Tamadun Melayu, Warisan dan Cabaran Abad Ke-21". Dalam tajuk ini, ada tiga perkara yang harus dibincangkan, iaitu kegemilangan tamadun Melayu, warisan, dan cabaran.

Pada zaman moden ini, tuntutan ilmu tidak lagi terhad kepada kumpulan ilmuwan atau cerdik pandai tetapi sudah menjadi hak dan minat seluruh masyarakat. Untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang-bidang ilmu, kajian perlu dibuat melalui penyelidikan, perbincangan, dan cara-cara yang lain.

Pada masa yang lampau, terdapat minat yang tebal di kalangan kumpulan etnik Melayu untuk mengetahui dengan lebih mendalam akan zaman kegemilangan dahulu dan untuk mengenali tamadun yang menjadi asas dan warisan mereka.

* Sekarang kementerian ini dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Apabila kita menyebut tentang zaman dahulu, secara tidak langsung kita membuat perbandingan dengan keadaan zaman ini yang dirasakan tidak begitu gemilang. Perbandingan cara ini adalah baik jika tujuannya untuk mencari inspirasi dan keyakinan bahawa kegemilangan dahulu boleh dikejar dan dicapai pada zaman ini. Namun perbandingan menjadi tidak elok jika kita hanya berkhayal dengan zaman dahulu, bagi menyedapkan hati dan mencari perlindungan daripada pandangan dunia terhadap kita sekarang.

Setiap bangsa atau kumpulan etnik mempunyai tamadunya sendiri, jika ini diertikan dengan keseluruhan atau *total sum* kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politik yang digubal dan tergubal dalam masyarakat yang berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat antara tamadun itu yang dianggap tinggi kerana tingkat pencapaiannya yang baik dalam keilmuan, falsafah, susunan, dan keteguhan masyarakat yang berkenaan. Dilihat dari sudut-sudut tersebut, tidak dapat tidak, kumpulan etnik Melayu yang bertempat di Semenanjung dan Kepulauan Asia Tenggara, pulau-pulau Lautan Hindi dan Lautan Pasifik mempunyai tamadun yang tinggi. Walaupun tidak semua kumpulan etnik Melayu mempunyai tahap tamadun yang sama tingginya, nyata sekali ada kumpulan-kumpulan yang tamadunnya boleh menandingi tamadun Asia Tengah dan Lautan Mediterranean.

Pengenalan tamadun Melayu secara dekat amat penting kerana kita harus tahu apa yang kita warisi. Di sini, kita memerlukan kejujuran intelektual (*intellectual honesty*). Kita tidak boleh menafikan bahawa pada zaman yang gemilang juga terdapat ciri-ciri yang buruk yang menjadi penyebab mengapa yang gemilang menjadi pudar dan akhirnya hilang terus cahayanya. Mengenali unsur yang tidak baik yang terdapat pada zaman dahulu, sama ada gemilang atau tidak, merupakan usaha yang tidak boleh diabaikan. Seperti kata George Santayana, "Mereka yang tidak mempelajari daripada sejarah akan didera dengan mengulangi segala kesalahan dahulu." Sudah tentu mengulangi kesalahan akan membawa kesan buruk yang sama seperti yang berlaku dahulu. Sementara kita ghairah memperkatakan zaman kegemilangan Melaka dalam tamadun Melayu umpamanya, kita tidak harus lupa bahawa zaman itu juga melahirkan orang seperti Kitol dan Raja Mendaliar, pengkhianat bangsa Melayu.

Walau bagaimana tinggi sekalipun tamadun Melayu dahulu, hakikatnya ialah ia tidak mampu mempertahankan dirinya daripada serangan dan pengaruh tamadun Barat. Barat bukan sahaja dapat merampas wilayah-wilayah Melayu secara fizikal tetapi ciri-ciri tamadun Melayu sendiri telah diserang dan dimusnahkan sehingga orang Melayu tidak lagi kenal akan aspek-aspek tertentu tamadun mereka dan menganggap semua yang ada pada mereka tidak baik.

Soalnya ialah adakah serangan tamadun Barat ini ke atas tamadun Melayu baik atau tidak? Hakikat yang perlu kita terima ialah sesuatu tamadun itu tidak terbentuk dalam sekelip mata, tetapi mengambil masa yang lama, mungkin beratus tahun lamanya untuk memperoleh cara, nilai, dan amalan yang unggul atau *distinctive*. Sepanjang masa, cara, nilai, dan amalan yang secara keseluruhan menjadi *total sum* sesuatu tamadun bertukar kerana pemikiran baru atau tekanan alam sekeliling. Hanya dengan adanya pertukaran ini, tidak bermakna sesuatu tamadun itu telah hancur. Setiap tamadun yang berdaya maju mempunyai sifat dinamis dan ia berubah apabila perubahan diperlukan. Tamadun yang tidak berubah, yang beku, dan tidak dapat membentuk cara, nilai, dan amalan yang baru, demi penyesuaian dan keperluan masa dan tempat, akan mati dan luput. Demikian dengan tamadun Mesir lama, Assyria, Phoenicia, Greek, Mongol, dan lain-lain. Demikian juga dengan Dunia Baru iaitu yang disebut *The Americas*, tamadun Incas, dan lain-lain, tidak lagi merupakan tamadun yang tinggi.

Walaupun dikalahkan oleh tamadun Barat, dan ada aspek-aspek tertentu tamadun Barat yang mengambil tempat sebagai sebahagian daripada tamadun Melayu, kita harus bersyukur kerana tamadun Melayu masih tidak hilang kesemua cirinya. Tamadun Melayu tidak luput dan tidak mati. Ia masih hidup walaupun kadang-kadang sukar untuk mencari persamaan antara tamadun Melayu sekarang dengan tamadun Melayu yang dikatakan asli pada zaman gemilang dahulu.

Perbezaan antara tamadun lama dengan baru ini bererti tamadun Melayu dinamis dan berdaya hidup. Kita masih boleh mengenali tamadun Melayu yang mempunyai ciri-ciri lama sehingga ia dapat diasingkan daripada tamadun-tamadun yang lain pada zaman ini. Namun pengekalan ciri-ciri ini tidaklah sampai menjadikan tamadun Melayu tidak sesuai dengan

zaman ini. Minat untuk menghidupkan semula segala ciri tamadun Melayu yang lama biasanya didorong oleh keinginan mengembalikan zaman kegemilangan dahulu. Untuk ini, kadang-kadang tumpuan diberi pada perkara tetek-bengek yang tidak membawa banyak manfaat, selain meningkatkan perbezaan antara yang Melayu dengan yang bukan Melayu. Sebenarnya tamadun yang membawa kejayaan pada satu zaman tidak semestinya membawa kejayaan yang sama pada zaman yang lain. Lebih tepat lagi, tamadun lama yang tidak berubah tetap akan membawa kegagalan jika diteruskan.

Tamadun yang berjaya pada zaman ini tidak seratus peratus mencerminkan segala nilai, ciri, dan amalan tamadun yang menjadi asas baginya. Jika ada aspek tamadun yang berjaya dikekalkan dari dahulu hingga sekarang, ini disebabkan kesanggupan membuat penyesuaian mengikut peredaran zaman. Kajian menunjukkan bahawa tamadun yang berjaya ini amat fleksibel, mudah dilentur, dan berdaya cipta atau inovatif.

Jika kita tidak mahu tamadun Melayu dijadikan sebagai satu kajian zaman silam sahaja, jika kita tidak taksab dengan rupa bentuknya, dan ada keinginan untuk mengembalikan rupa bentuk ini, kita harus menerima daya penyesuaian sebagai sebahagian daripada ciri tamadun Melayu. Ia tidak akan menghapuskan tamadun Melayu. Sebaliknya ia akan membantu mengekalkan tamadun Melayu, walaupun akan terdapat sedikit sebanyak perbezaan antara dahulu dengan sekarang.

Kajian tamadun Melayu biasanya berbentuk penyelidikan sejarah. Kita akan menyebut aspek itu dan ini yang menjadi sebahagian daripada tamadun Melayu dalam sejarah kumpulan etnik Melayu. Kita akan berbangga dengan kejayaan dan kecemerlangan zaman-zaman yang tertentu sebagai bukti ketinggian tamadun pada zaman yang berkenaan. Yang penting bukan pemilikan sejarah yang gemilang, tetapi kejayaan semasa yang gemilang.

Justeru itu, kajian yang mendalam perlu dibuat tentang tamadun Melayu semasa dan pada abad ke-21. Tumpuan harus diberi pada perkembangan ciri-ciri tertentu yang ada kaitan dengan maju mundurnya bangsa Melayu. Di sini juga kejujuran intelektual amat diperlukan. Janganlah kita menafikan keburukan sesuatu unsur tamadun kita hanya kerana sesuatu unsur itu mencerminkan peribadi tamadun kita. Jika sesuatu unsur itu

buruk, kita mesti berani mengatakan keburukannya. Tidak ada sesuatu yang lebih buruk daripada mengekalkan yang buruk kerana sentimen, kebongkakan, atau *false pride*. Yang buruk mesti dihapuskan walaupun ia sebahagian daripada identiti kita. Sudah tentulah unsur yang menjadi penghalang kejayaan kita harus dikikis.

Di sini kita perlu membincangkan soal warisan. Sudah tentu yang kita ingin warisi adalah tamadun yang gemilang. Namun apakah makna warisan? Oleh sebab kita berhak menjadi waris tamadun Melayu adakah dengan sendirinya kita akan memperoleh kegemilangan? Atau adakah kita hanya ingin bangga sebagai orang yang memiliki tamadun yang dahulunya gemilang?

Bagi saya, warisan ini tidak bermakna jika ia membawa kegemilangan pada zaman ini dan zaman yang akan datang. Yang penting bukan sejarah, sebaliknya pengaruh sejarah yang boleh membawa kebahagiaan kepada kita. Dengan itu, kita dihadapi dengan cabaran sama ada mampu atau tidak menggunakan aspek-aspek tamadun kita pada zaman yang gemilang itu untuk kemajuan dan kegemilangan kita sekarang. Jika ditanya, sudah tentu kita akan berkata kita mampu, tetapi dakwaan kita sahaja tidak menjamin pencapaian kita. Dakwaan ini mestilah disusuli dengan tindakan dan dengan usaha yang nyata ke arah kegemilangan.

Sementara kita harus mengekalkan beberapa aspek tamadun kita, kita juga harus berani menggugurkan aspek-aspek yang tidak sesuai dengan peredaran zaman dan kegemilangan yang kita kejar. Kita juga harus berani menerapkan unsur-unsur tamadun lain jika ia boleh menolong kita mencapai kejayaan.

Sebenarnya maju mundur sesuatu bangsa bergantung pada nilai hidup yang menjadi sebahagian daripada tamadun bangsa itu. Jika hari ini kita berpendapat bahawa tamadun kita tidak gemilang seperti tamadun pada masa yang lain, alasannya ialah kerana ada nilai-nilai yang tidak baik dalam tamadun yang kita warisi sekarang. Cabaran yang kita hadapi ialah apakah kerana kita ingin mencapai kegemilangan seperti pada zaman silam, maka kita berani menukar nilai hidup yang menjadi sebahagian daripada tamadun kita yang jelas menghalang kejayaan kita? Keberanian kita bertindak mengatasi cabaran ini juga akan menjadi sebahagian daripada tamadun kita.

Perbezaan pencapaian pelbagai tamadun pada zaman ini lebih ketara daripada zaman silam. Tidak ada lagi mana-mana masyarakat yang boleh mengasingkan dan memulaukan dirinya dari dunia luar. Sistem perhubungan yang ada sekarang sudah menjadikan dunia yang begitu luas sebagai hanya sebuah kampung atau *global village*. Sebagaimana yang kita maklum, tidak ada sesuatu yang berlaku dalam tamadun sebuah kampung yang boleh disembunyikan daripada masyarakat kampung itu sendiri. Semuanya akan terdedah, termasuklah segala keburukan dan kelemahan seseorang, atau sebuah keluarga.

Dengan hakikat ini, maka amatlah penting agar pengekaln tamadun lama tidak sehingga melemahkan kita dan menyebabkan kita jauh ketinggalan. Apa gunanya tamadun jika kita tidak memperoleh kebahagiaan hidup? Tamadun yang tidak membawa kejayaan akan menjadi bahan bacaan sejarah dan kajian seperti tamadun Mesir, Greek, dan Rom pada zaman dahulu. Sebaliknya kita perlu bersedia menerima segala cabaran serta menerapkan unsur-unsur baru yang baik, walaupun unsur-unsur baru ini akan menjadikan tamadun kita pada zaman ini berbeza sedikit daripada yang dahulu.

Saya percaya penglibatan para sarjana lebih 20 buah negara dalam Persidangan ini akan memberi suatu peluang untuk kita bertukar-tukar pandangan, maklumat, dan fikiran dalam segala bidang disiplin ilmu. Sesungguhnya kegemilangan tamadun banyak bergantung pada warisan kita. Warisan kita tidak akan memberi makna kalau pewarisnya tidak bersedia menghadapi cabaran. Cabaran itu mestilah kita hadapi dengan bijak dan bertanggungjawab.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua 1989 ini.

Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri Malaysia
15 Ogos 1989

Ucapan Penutup

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T. sekali lagi kita dapat berjumpa. Perjumpaan pada kali ini nampaknya lebih besar dan meluas dari segi penyertaan. Saya memang sentiasa mengharapkan persidangan yang kedua ini akan mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Kehadiran saudara dan saudari dari dalam dan luar negeri, terutama minat yang ditunjukkan oleh 90 orang pembicara dari Timur dan Barat itu merupakan suatu keterlibatan yang cukup serius.

Kedatangan saudara dan saudari dari 25 buah negara sejauh Kanada di Amerika Utara dan Surinam di Amerika Selatan atau Union Sosialis Soviet Rusia (USSR) sehingga Jepun dan New Zealand, selain daerah-daerah induk tamadun Melayu itu sendiri menunjukkan satu petanda yang cukup baik. Hakikat ini menunjukkan bahawa kebudayaan dan tamadun Melayu itu telah dikaji, sedang dikaji, dan akan terus dikaji sebagai sebahagian daripada peradaban dunia besar.

Kecenderungan dan minat yang ditunjukkan oleh saudara dan saudari menunjukkan bahawa tamadun Melayu itu mempunyai terasnya yang tersendiri sebagai suatu yang tunggal bersebuti antara fizikal dengan jiwanya. Pengaruh jiwa dan pemikirannya itu menjadikan tamadun Melayu luas tersebar dalam suku bangsanya yang pelbagai iaitu daripada masyarakat yang bernama Melayu di Semenanjung sehingga ke beberapa kumpulan sukuan di Taiwan atau tersebar di daerah kepu-

luan dengan pelbagai imej sosiobudaya dan anutan kepercayaannya.

Bangsa Melayu di Semenanjung hanyalah merupakan salah satu bangsa serumpun dengan warisan dan teras kebudayaannya diperkukuh dalam konsep pembinaan negara Malaysia yang bersatu padu di bawah Perlembagaan Negara. Pada hemat saya, pendidikan tamadun manusia atau tamadun Melayu harus dilihat daripada perspektif dan strateginya yang luas supaya sempitnya kefahaman dan kesedaran dapat dikurangkan atau dikikis sama sekali. Bangsa serumpun Melayu itu haruslah dilihat dalam konteksnya yang luas supaya kesatuan daerah dan jiwanya benar-benar dapat dirasakan.

Saya kira perhimpunan selama lima hari ini banyak membantu kita memahami hasil kerja dan perkembangan pemikiran masing-masing. Kali ini kita agak bertuah kerana banyak mendapat maklumat tentang pengaruh tamadun Melayu di pantai timur Afrika dan Malagasi serta pengaruh kebudayaan Melayu di Taiwan yang selama ini tidak banyak didedahkan. Pada masa yang sama kita juga mengetahui usaha yang sedang dijalankan oleh pelbagai institusi penyelidikan tentang Asia Tenggara atau kebudayaan Timur dan Timur Jauh yang sejak dahulu bergiat cergas di Eropah atau USSR. Selain itu, institusi-institusi pengajian tinggi pula seperti yang terdapat di Amerika, Jepun, Korea, China, Australia, New Zealand, Kanada, atau di negara-negara ASEAN memperlihatkan minat yang mendalam dan berterusan menjalankan tugas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran tentang bahasa dan kebudayaan Melayu. Keseluruhannya hasil yang sudah dihasilkan atau pengkajian yang akan dilakukan pasti menambahkan lagi keyakinan dunia tentang warisan dan arah masa hadapan tamadun Melayu, satu tamadun yang unik kerana kewujudannya adalah berlatarkan pulau dan lautan, bukannya daratan kebenuaan.

Saya yakin dan percaya hasil kerja saudara dan saudari yang amat banyak itu yang selama ini merekod, mengumpul, dan memperoleh penemuan baru sudah tentu berupaya mengemukakan beberapa pandangan yang berfaedah ke arah kemajuan tamadun Melayu dan peradaban dunia. Pandangan saudara saudari akan tetap diperhati oleh Malaysia. Kami akan mengkaji dan membuat penelitian yang sewajarnya bagi maksud untuk dilaksanakan di mana mungkin.

Kerjasama serantau dan antarabangsa kian menjadi penting. Negara-negara yang menjadi pewaris kebudayaan dan tamadun Melayu harus memainkan peranan bersama menjalinkan usaha, kesepakatan, kerjasama intelektual, dan menggerakkan kemajuan tamadunnya. Oleh itu, perlu bagi kita melahirkan satu suasana yang dapat menjalinkan kerjasama antara negara-negara di dunia tanpa mengira ideologi politik, sistem ekonomi dan kebudayaannya. Dalam keadaan dunia yang menjadi kian kecil kerana teknologi dan komunikasinya, maka kerjasama antarabangsa bukanlah lagi merupakan suatu perkara yang sukar.

Kita sebenarnya, dalam persidangan kali ini, telah berjaya membincangkan beberapa aspek utama dalam tamadun Melayu. Persidangan ini tidak lagi mengasingkan antara pakar dalam bidang bahasa dan sastera atau sejarah dengan pakar sains perubatan, teknologi, ekonomi dan yang lainnya; maknanya persidangan ini telah dapat mengumpulkan sarjana, cerdik pandai, dan pakar-pakar dalam pelbagai disiplin ilmu. Ini merupakan satu lambang daripada wadah yang sebenarnya luas dan kita tidak lagi berkumpul dalam kumpulan sendiri. Di atas sifat itu juga kerjasama antarabangsa boleh diperoleh apabila pengkajian mula berkembang luas. Dengan bahan yang terkumpul itu, maka bolehlah kita memikirkan segera penubuhan Pusat atau Institusi Tamadun Melayu.

Sebuah *Smithonian Institution* seperti yang ada di Washington itu tidak lahir sekelip mata, tetapi yang penting ialah kerjasama dan persahabatan antara pelbagai pihak. Sebagai sebuah negara kaya, Amerika Syarikat memang mampu memberi tunjangan kewangan kepada institusi itu tetapi peranan badan swasta di luar kerajaan masih diperlukan. Di Paris pula, telah wujud sebuah Pusat Dunia Arab, anehnya di Paris, bukan di Kaherah atau Riyadh yang mengumpul dan menyimpan karya-karya berbahasa Arab serta artifak budaya Arab. Maknanya kalau kita dapat memikirkan bersama secara serius mulai sekarang (sama ada bentuknya sebagai pusat pengajian atau institusi yang di dalamnya terisi usaha penyelidikan, rujukan, dan pelbagai gedung bersifat muzium) maka sebuah Institut Tamadun Melayu patut ditubuhkan, bahkan tidaklah merupakan sesuatu yang awal untuk diperkatakan. Kalaulah sifatnya juga sebagai muzium maka pelbagai galeri yang menunjukkan

tamadun Melayu dapat dipamerkan merangkumi etnografi, kesenian, artifak sejarah yang mewakili suku bangsa alamnya yang luas, terkumpul dan terpusat di satu tempat.

Sesuai dengan usaha yang kita lakukan sekarang, Kuala Lumpur harus mengambil peranan tetapi penyelarasan kerjanya mestilah datang dari negara serumpun dan program kerjasama kebudayaan antarabangsa. Dengan beberapa pandangan yang telah dibayangkan maka bolehlah kita fikirkan cara dan strategi pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, langkah pertama ke arah melahirkan kesepakatan keserjanaan bolehlah dimulakan pada bila-bila masa. Kita harus menggunakan suasana kefahaman yang ada itu dengan suatu kesungguhan dan usaha kolektif ke arah mengadakan Majlis Antarabangsa Tamadun Melayu (*International Council of Malay Civilization*). Gerak kerja mungkin berpusat di Kuala Lumpur, tetapi secara sektorialnya diwakili oleh negara-negara serumpun dan negara-negara luar secara mengambil bahagian yang aktif.

Akhirnya, dengan rasa bangga dan terima kasih serta penghargaan yang mendalam kepada saudara dan saudari, saya mengharapkan persidangan yang seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Sambutan yang di luar dugaan kali ini datangnya daripada sokongan secara menyeluruh dari dalam dan luar negeri terhadap usaha Jawatankuasa Penganjur. Sumbangan tersebut dapat menjayakan persidangan yang kita hajati bagi mencapai matlamat bersama.

Dengan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan persidangan ini, maka saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim dan sukacitanya menutup Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu 1989 ini.

Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Sabbaruddin Chik
Menteri Kebudayaan dan Pelancongan
Malaysia
19 Ogos 1989

95

Pencak Silat: Seni Mempertahankan Diri Rumpun Melayu dan Perkembangannya

Oyong Karmayuda S.H.

Pendahuluan

Pencak silat adalah kemahiran mempertahankan diri dan diturunkan sebagai warisan budaya manusia rumpun Melayu, untuk membela atau mempertahankan kewujudan dan integritinya terhadap lingkungan hidup serta meningkatkan iman dan takwa kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Apabila ditelusuri lebih jauh, pencak silat adalah dua istilah yang berbeza dari segi tulisan dan pengucapan, tetapi mempunyai pengertian yang sama dan saling kait-mengait. Istilah *pencak* umumnya digunakan di kalangan masyarakat yang berasal dari Pulau Jawa dan sekitarnya manakala istilah *silat* digunakan di kalangan masyarakat yang berasal dari Kepulauan Indonesia lainnya, Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam, mahupun wilayah selatan Thailand, dan Filipina.

Dalam bahasa Jawa, istilah *pencak* berasal daripada akar kata *pen* yang bererti *tepat* dan akar kata *cak* yang bererti penerapan. Dengan demikian, pengertian *pencak* adalah kemampuan untuk mempertahankan diri yang diterapkan secara tepat. Perkataan tepat di sini meliputi teknik, daya gerak, kecepatan tempo mahupun sasaran/tujuan penggunaannya. *Silat* pula adalah istilah yang digunakan untuk upaya mempertahankan diri dengan menggunakan pergerakan atau teknik yang tepat, bersumberkan rohani yang suci dan keluhuran budi, menyelamatkan diri serta kelompok daripada ancaman, serangan, atau bencana.

Kedua-dua istilah tersebut kemudian digabungkan menjadi satu dengan rumusan seperti di atas. Ami Shapiro dalam buku-

nya berjudul *Martial Arts Language* yang dipetik oleh Ismail Soh dari Universiti Kebangsaan Malaysia, menyatakan bahawa: *"Literally 'pencak' means skilled and specialized body movements and 'silat' means to fight using 'pencak'."*

Sejarah dan Proses Perkembangan Pencak Silat

Pencak silat sebagai salah satu seni mempertahankan diri yang berasal dari kawasan rumpun Melayu, tidak diketahui tarikh permulaan dan terlalu sulit untuk memastikan siapakah penciptanya. Untuk itu, dalam mengkaji sejarah pencak silat dan perkembangannya, penelusuran proses sejarah kehidupan manusia di kawasan Melayu, merupakan cara yang terbaik.

Manusia di dunia, secara naluri mengingini satu kehidupan yang sejahtera dan aman. Untuk mencapai kesejahteraan hidup, manusia berusaha dengan berbagai-bagai cara dan daya, menggunakan akal dan fikiran sejak zaman purba sehinggalah masa kini. Dalam mempertahankan kehidupannya, manusia telah berhadapan dengan pelbagai rintangan dan bahaya, yang datang daripada manusia, binatang, mahupun alam.

Profesor Koentjaraningrat dalam bukunya *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia* menyatakan bahawa pada waktu Asia Tenggara bahagian benua dan bahagian kepulauan masih bersambung, iaitu lebih kurang setengah juta tahun lalu di kawasan ini telah terdapat manusia yang mempunyai ciri-ciri fizikal yang berbeza daripada manusia sekarang ini. Manusia hidup dalam kelompok-kelompok kecil dengan berburu dan meramu. Alat penting mereka berupa penggalian, kayu, tulang, dan tanduk binatang serta batu yang ditajamkan pada salah satu hujungnya. Dalam evolusinya selama puluhan ribu tahun kemudian, ciri-ciri fizikal manusia ini menyerupai penduduk peribumi di Australia. Adanya hubungan dengan manusia dari Benua Asia akibat terjadinya percampuran antara manusia berciri fizikal Austro-Melanesoid dengan manusia berciri fizikal Mongoloid. Manusia inilah merupakan nenek moyang kelompok manusia yang sekarang ini disebut masyarakat rumpun Melayu.

Setelah Asia Tenggara bahagian benua dan bahagian kepulauan terpisah disebabkan naiknya permukaan air laut, aki-

bat limpahan lapisan-lapisan ais di bahagian utara-selatan bumi, kawasan yang dihuni oleh masyarakat rumpun Melayu ini banyak dikunjungi oleh pendatang dari India di barat dan Cnina di utara melalui jalan laut. Kemudian datang pula pendatang dari Eropah dan Timur Tengah. Semua pendatang itu meninggalkan pengaruh, terutama dalam kehidupan bermasyarakat, berbudaya, dan beragama.

Kesejahteraan dan keamanan sebagai tuntutan kehidupan, merupakan suatu yang diinginkan oleh masyarakat rumpun Melayu. Manusia rumpun Melayu telah menggunakan kemahiran fizikal untuk menghadapi berbagai-bagai ancaman dan menggunakan berbagai-bagai senjata bagi mempertahankan diri daripada sebarang ancaman.

Daripada gerakan-gerakan sederhana yang tidak berperaturan, dalam menghadapi serangan akhirnya timbul kemahiran dalam mempertahankan diri. Gerakan yang didasarkan pada reaksi naluri berbanding dengan menggunakan akal dan fikiran itu tampaknya lebih banyak menemui kegagalan daripada kejayaan.

Bertitik tolak daripada kegagalan inilah manusia secara alamiah mulai menggunakan akalnya. Penglihatan yang sengaja atau tidak sengaja terhadap kemampuan alam kehidupan di sekitarnya dan pengamatan yang kemudian terus meningkat, mengakibatkan manusia mulai menciptakan gerakan-gerakan yang tepat, berkesan dan cekap untuk mempertahankan diri daripada serangan dan bahaya. Bermula dengan hanya menggunakan tangan kosong akhirnya diciptakan peralatan atau senjata sebagai alat bantu. Gerakan yang pada mulanya bertujuan untuk mempertahankan diri, berkembang menjadi gerakan yang dapat digunakan untuk menyerang dan mengalahkan lawan.

Dalam perkembangan selanjutnya, kemahiran mempertahankan diri yang diciptakan di kalangan masyarakat rumpun Melayu secara individu yang kemudian dikenali dengan pencak silat, mulai diajarkan kepada orang lain dari semasa ke semasa dan dari generasi ke generasi. Sudah tentu kemahiran antara individu yang menciptakan tidak sama antara satu sama lain. Perbezaan dalam cita rasa, kemampuan mempertajam daya fikir, sifat, dan keadaan lingkungan, baik alam mahupun masya-

TAMADUN MELAYU

Tamadun Melayu Jilid Tiga, Jilid Empat dan Jilid Lima merupakan siri kedua Tamadun Melayu yang memperlihatkan kecemerlangan peradaban Melayu hingga mencapai tahap tamadun yang tinggi yang memberi sumbangan kepada budaya dan tamadun dunia. Rumpun Melayu tidak pernah lelap daripada meneruskan kesinambungan sejarah bangsa melalui karya-karya dan daya cipta yang amat unik pengolahannya dan pelaksanaannya. Maklumat yang dipaparkan di dalam buku-buku ini hanya merupakan cebisan kecil daripada seluruh warisan tamadun rumpun Melayu. Oleh sebab tamadun itu merupakan tahap pencapaian yang tertinggi daripada satu kebudayaan rumpun Melayu, maka sudah sewajarnya kupasan dan analisis tentang kebudayaan rumpun Melayu diperlengkap. Tamadun Melayu sekarang bukan sahaja dikaji oleh orientalis Barat, tetapi juga oleh para sarjana dari alam Melayu sendiri dan dari negara Timur seperti Jepun, Korea, China, dan dari negara Asia Tenggara seperti Thailand dan Vietnam, yang menjadikan bidangnya dan ruang lingkupnya bertambah luas dan lebih terperinci.

ISBN 983-62-4474-3



9 789836 244741